

## MEMAHAMI SUNNAH RASULULLAH S.A.W. MENERUSI GABUNGAN METODOLOGI TAKHRIJ HADIS & MUKHTALIF HADIS

(Understanding the Sunnah Prophet S.A.W. Through Combined Methodology  
of *Takhrij Hadis* & *Mukhtalif Hadis*)

MOHAMMAD FATTAH\*  
LATIFAH ABDUL MAJID  
AHAMAD ASMADI SAKAT

Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunah, Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

---

### ABSTRAK

*Menyingkap khazanah sunnah Rasulullah s.a.w. sama ada yang disabdakan, diamalkan dan dipersetujui ibarat membina binaan yang kukuh sebagai tempat perlindungan bagi umat Islam sejagat. Justeru para ulama hadis berusaha mencari metode untuk menyingkap sekali gus memelihara khazanah suci ini. Antara metode dan kaedah yang sedia diguna pakai adalah metode takhrij dan memahami mukhtalif hadis. Dua metode ini sangat efektif untuk mengetahui beribu-ribu kewujudan hadis bahkan penentuan statusnya sama ada boleh diguna pakai sebagai hujah atau tidak. Pengkaji dengan sedaya upaya memberikan pemahaman terhadap penggunaan dua metode ini melalui pendedahan tentang pengertian dan perkembangannya. Metode kajian ini adalah analisis dokumen dengan merujuk kepada kitab-kitab hadis untuk mendapatkan sumber yang tepat dan sahih. Kemudian menyusulinya dengan memberikan contoh-contoh ringkas untuk mengukuhkan pengertian berkenaan. Kajian mendapati bahawa metode takhrij dan pemahaman terhadap mukhtalif hadis merupakan dua metode yang diusahakan oleh para ulama hadis untuk memelihara kemurnian sunnah Rasulullah s.a.w. sepanjang zaman.*

**Kata kunci:** Sunnah, metodologi, takhrij, mukharrij, mukhtalif hadis

### ABSTRACT

*Reminiscing on the treasures of the Prophet's s.a.w. sunnah, whether those practiced and agreed is similar to constructing strong monument as shelters*

---

\*Corresponding Author: Mohammad Fattah, Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia, e-mel: riyani\_faid@yahoo.com

Diserahkan: 5 Februari 2012

Diterima: 20 Julai 2012

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2013-0501-11>

for the entire Muslim ummah. Hence, the ulama of hadis effortlessly find methods in protecting the authenticity of its priceless treasures. Among the current methodology and existing ways currently practiced are the methods of *takhrij* and understanding of *mukhtalif* hadis. These two methods are highly effective in understanding thousands of existing hadis, more importantly in determining the status-whether it can be used as an argument or otherwise. In order to grasp profound understanding of this usage researches have exposed themselves by understanding its growth and development. This kind of method is an analysis of document with reference to the book of hadis in order to obtain its *précised* and genuine source. In addition, it is followed by short examples to strengthen its meaning. Research has shown that method of *takhrij* and understanding of *mukhtalif* hadis is an effort must be highly appreciated as these two methods could protect the sanctity of the sunnah of the Prophet (SAW) until the end of time.

**Key words:** Sunnah, metodologi, *takhrij*, *mukharrij*, *mukhtalif* hadis

## PENDAHULUAN

Pada masa mutakhir ini banyak dijumpai pelbagai tuduhan dan kritikan terhadap panduan umat Islam kedua selepas al-Quran iaitu Hadis Nabi s.a.w. Daniel W. Brown, (t.th.) mempersoalkan hal demikian dalam bukunya yang bertajuk “ Menyoal Relevansi Sunnah dalam Islam Moden” dan telah menimbulkan keraguan terhadap kaum Muslimin mengenai peranan sunnah Rasulullah s.a.w. di dalam kehidupan mereka. Serangan ini telah dijawab oleh ulama Islam di dalam pelbagai wacana untuk menjaga kemurnian dan keaslian hadis Nabi s.a.w. Metodologi mereka adalah menerusi *takhrij* hadis, meneliti kedudukan hadis sama dari segi *sanad* dan *matan*. Justeru, kertas kerja ini, mendedahkan mengenai Ilmu *Takhrij* dan *Mukhtalif* Hadis, terutama daripada aspek teori dan praktis sekali gus. Contoh *takhrij* hadis yang sedia digunakan adalah mengikut metod *takhrij tafsili* (*takhrij* lengkap) ataupun *takhrij ijmal* (*takhrij* ringkas). Contoh *takhrij* hadis yang diriwayatkan oleh imam al-Tirmidhi yang bermaksud : daripada Abu Ayyub al-Ansari berkata : Rasulullah s.a.w. bersabda : “empat perkara termasuk sunnah rasul yang diutus iaitu malu, memakai wangi-wangian, bersugi dan menikah”. Hadis ini juga diriwayatkan oleh imam Ahmad bin Hanbal dalam *musnad*nya nombor hadis 23628, al-Tabrani dalam *Al-Mu‘jam al-Kabir* nombor hadis 749, 1145 dan 4085. Ibn Abi Syaibah dalam *Al-Musannaf fi al-Ahadis wa al-Athar* nombor hadis 1802 dan al-Bayhaqi dalam *Syu‘ab al-Iman*, bab malu dan pembahagiannya nombor hadis 7717.

Metod analisis dokumen dalam penulisan kertas kerja ini adalah sangat mendominasi, dengan tujuan untuk memberikan pendedahan mengenai teori

ilmu *takhrij* dan *mukhtalif* hadis. Bentuk penulisan yang demikian, berfungsi sebagai penghantar bagi kerja-kerja menyingkap khazanah sunnah Rasulullah s.a.w. Kemudian teori tersebut dilengkapi dengan contoh-contoh kegunaan ilmu *takhrij* dan *mukhtalif* hadis yang sudah sedia diguna pakai oleh para ulama dalam membahaskan beberapa hadis. Dengan demikian, maka hasil penggunaan metode ini, dapat memberikan kefahaman bahawa ilmu *takhrij* dan *mukhtalif* hadis merupakan bidang ilmu yang sentiasa menjaga kemurnian dan keaslian sunnah-sunnah Rasulullah s.a.w.

### **MENGAPA MESTI DIGUNAPAKAI METOD *TAKHRIJ* DAN PEMAHAMAN *MUKHTALIF* HADIS?**

*Takhrij* merupakan penyelidikan komprehensif terhadap kewujudan sesebuah hadis dalam pelbagai rujukan, memahami perkataan-perkataan yang berbeza bahkan perkataan yang bercanggah. Bermula dari sini, memahami hadis yang bercanggah diguna pakai dalam kerja *takhrij* pula. Penggabungan dua metode *takhrij* dan *mukhtalif* hadis dalam menyingkap sunnah Rasulullah s.a.w. sangat relevan, kedua-duanya tidak dapat dipisahkan sehingga sampai kepada hasil yang hendak dicapai. Tambahan pula, seorang *mukharrij* mesti mengambil berat kenyataan para ulama yang telah menerokai hadis berkenaan sama ada daripada aspek sanad dan matan atau mengumpul pendapat mereka dalam memecah percanggahan yang berlaku bagi sesetengah hadis. Hasil daripada kerja *takhrij* dan *mukhtalif* hadis ini dapat mendedahkan kewujudan dan kegunaan sesebuah hadis dalam menentukan hukum-hukum dalam syariat Islam.

### **TAKRIF ILMU *TAKHRIJ* HADIS DAN *MUKHTALIF* HADIS**

Menurut Abu al-Laith (2005) Ilmu *takhrij* hadis ialah ilmu yang membahaskan tentang asas dan cara/kaedah mengetahui tempat-tempat wujudnya hadis Nabi s.a.w. sama ada yang menjadi *mutabi*<sup>c</sup> atau *syahid* dan untuk mengetahui status hadis berkenaan sama ada diterima atau ditolak. *Syawahid/syahid* adalah hadis yang mempunyai beberapa salasilah sanad berbeza yang dikeluarkan oleh perawi hadis, sama ada perbezaan tersebut bermula daripada awal sanad atau hanya di peringkat sahabat sahaja. Sedangkan *Mutabi*<sup>c</sup> adalah sanad yang sama baik di peringkat sahabat atau selepasnya.

Menurut Syed Abdul Majid Ghouri (2011) *Mukhtalif* Hadis ialah ajaran, sabda dan perilaku Rasulullah s.a.w. yang mengandungi hukum, arahan dan petunjuk yang nampak saling bercanggah antara satu hadis dengan yang lainnya, namun pada hakikatnya kedua-duanya tidak bercanggah. Contoh percanggahan ini terdapat dalam satu hadis yang mengharamkan suatu perkara sedangkan hadis

yang lain menghalalkannya, atau wujud satu hadis yang menunjukkan kepada pelarangan suatu perkara untuk dilakukan sedangkan hadis kedua menjelaskan bahawa Rasulullah s.a.w. melakukannya.

### **KAEDAH TAKHRIJ HADIS**

Beberapa metodologi atau kaedah yang dapat dilakukan untuk mencari kewujudan suatu hadis, adalah sepertimana berikut:

- a. *Takhrij* hadis dengan cara mengenal pasti perawi dari kalangan sahabat Nabi s.a.w.
- b. *Takhrij* hadis dengan cara mengenal pasti awal lafaz matan.
- c. *Takhrij* hadis dengan cara mengenal pasti kalimah *gharibah* (jarang diguna pakai) di dalam hadis berkenaan.
- d. *Takhrij* hadis dengan cara mengenal pasti tajuk (perbahasan ‘am).
- e. *Takhrij* hadis dengan cara meneliti perihal hadis sama ada daripada aspek sanad atau matan (Abu al-Laith 2005).

Perkembangan teknologi pula memberikan kesan positif bagi kerja *takhrij* hadis. Istilah ini lebih dikenal dengan komputerisasi *takhrij* hadis. Justeru, *takhrij* hadis di masa sekarang dapat dilakukan dengan menggunakan CD yang memuat kitab-kitab hadis seperti *Maktabah Alfiyyah li al-Ahadith an-Nabawiyyah*, *al-Mawsu‘ah al-Dhahabiyah*, *Maktabah al-Hadith wa ‘Ulumih*, *al-Maktabah al-Shamilah* dan lain-lain. Pada zaman dahulu lagi, kerja *takhrij* hanya dilakukan dengan cara manual iaitu mencari hadis-hadis yang di maksud secara satu-persatu di dalam kitab-kitab yang sedia ada. Apa pun, kerja *takhrij* sama ada berkomputer ataupun tidak, kedua-duanya mempunyai kelebihan dan kelemahan masing-masing.

### **SYARAT MUKHARRIJ**

Apabila seseorang hendak mentakhrij hadis, syarat yang mesti dimiliki adalah sebagaimana berikut:

- a. Memiliki ilmu pengetahuan yang luas mengenai ilmu Bahasa Arab.
- b. Mengenal pasti ilmu ‘*Ulum al-Hadith* dan istilah-istilah yang berhubung kait dengannya.
- c. Memiliki pengetahuan yang memadai mengenai kitab-kitab hadis, metodologi pengarangnya, cara penyusunan dan tingkatannya.

- d. Mempunyai kemahiran tentang kaedah *takhrij*, kelebihan dan kelemahannya, lebih daripada itu dapat mengenal pasti kitab-kitab yang boleh diguna pakai menerusi jenis-jenis metodologi *takhrij* yang sedia ada.
- e. Memiliki sifat sabar ketika melakukan kerja *takhrij* dan tidak boleh dikerjakan dalam keadaan tergesa-gesa.

## **BENARKAH WUJUD HADIS-HADIS YANG SALING BERCANGGAH?**

Menurut Hafiz Firdaus Abdullah (2007) : Jumhur ilmuwan Islam menyatakan bahawa hadis-hadis Rasulullah s.a.w. yang dikatakan bercanggah hanyalah merupakan pandangan dan fahaman sementara seseorang itu sahaja, percanggahan tersebut tidak wujud secara hakiki atau sebenar.

Punca seseorang itu berpendapat sesuatu hadis adalah bercanggah adalah kerana ketidaktahuannya terhadap cara-cara menyelaraskan, menolak dan menghilangkan percanggahan antara dua hadis. Seperti ketidaktahuannya terhadap status kekuatan *isnad* hadis - antara yang *sahih* dan *da'if*, antara hadis *nasikh* dan *mansukh*, kaedah-kaedah *tarjih* dan kekeliruan dalam memahami maksud sebenar antara dua hadis. Dalam erti kata lain, percanggahan antara hadis hanyalah sesuatu yang berbentuk bukan hakiki.

Kekeliruan dalam memahami maksud sebenar suatu hadis boleh terjadi kerana kelemahan pengetahuan bahasa Arab, tidak mengkaji keseluruhan teks hadis, tidak mengkaji sebab munculnya hadis, tidak membandingkan dengan lain-lain hadis yang berkaitan dan tidak faham akan seluruh roh dan tujuan syariat. Justeru, hadis-hadis yang bercanggah itu tidak wujud dan boleh digunakan pelbagai cara untuk menyatukannya sebagaimana perbincangan berikut.

## **KAEDAH MENGATASI HADIS-HADIS BERCANGGAH**

Kaedah, cara atau metode yang dapat dilakukan untuk memahami zahir hadis-hadis yang saling bercanggah, sebagaimana berikut:

1. Memerhati dan meneliti taraf dan tingkatan kesemua hadis yang bercanggah. Jika wujud percanggahan antara hadis yang kukuh (hadis *sahih* atau *hasan*) dengan hadis yang berstatus lemah (hadis *da'if*), maka percanggahan tersebut dapat diatasi dengan meninggalkan hadis yang lemah.
2. Memerhati dan meneliti hadis-hadis tersebut, sama ada salah satunya telah di *nasakh* oleh hadis yang lainnya.

3. Menyesuaikan dan menyelaraskan antara hadis-hadis yang bercanggah tersebut dengan mengambil tumpuan terhadap lafaz dan dengan cara sebagaimana berikut:
  - a. Jika salah satu hadis yang bercanggah tersebut mempunyai lafaz ‘am sedangkan yang lain mempunyai lafaz khas, maka hadis yang berlafaz khas tersebut mengehadikan keumuman hadis lainnya.
  - b. Jika salah satu hadis yang bercanggah tersebut mempunyai lafaz mutlak sedangkan yang satu lagi berlafaz *muqayyad*, maka hadis yang berlafaz *muqayyad* berperan menjelaskan hadis yang bersifat mutlak.
  - c. Jika salah satu hadis yang bercanggah tersebut merupakan hadis *qauli* (perkataan/sabda) dan hadis lainnya merupakan hadis *fi‘li* (perbuatan), maka hadis *fi‘li* berperan menghuraikan maksud yang sebenar bagi hadis *qauli*.
  - d. Mentakwilkan salah satu daripada hadis tersebut dengan mencari erti dan maksud zahir suatu lafaz dan menggunakan pengertian lain yang dijumpai dengan syarat makna dan pengertian itu tidak bercanggah dengan al-Quran dan sunnah Baginda s.a.w.
  - e. Menyelidik maksud dan tujuan sebenar bagi sesebuah hadis dengan memberikan tumpuan terhadap susunan kalimah dan erti perkataannya.
4. Percanggahan juga dapat diatasi dengan kaedah dan cara meneliti perkara-perkara berikut:
  - a. Kepada siapakah hadis itu ditujukan.
  - b. Keadaan dan masa hadis itu disampaikan.
5. Percanggahan juga dapat diatasi dengan memahami seluruh maksud hadis yang zahirnya bertentangan, sebab boleh jadi antara-kedua-dua hadis tersebut mempunyai hubung kait atau kedua-duanya saling melengkapi.
6. Jika kaedah dan cara ke 3, 4 dan 5 tidak dapat diguna pakai juga, maka kaedah selanjutnya adalah menggunakan kaedah *tarjih*, sebagaimana berikut:
  - a. Mendahulukan hadis yang berunsur larangan ke atas hadis yang mengharuskan.
  - b. Mendahulukan hadis yang mempunyai hukum yang sama dengan hadis-hadis lain ke atas hadis-hadis yang tidak disokong oleh dalil-dalil lain daripada al-Quran, sunnah, ijmak’ ulama dan amalan para sahabat dan lain-lainnya.

- c. Mendahulukan hadis yang memiliki *туруq (sanad)* yang berbilang ke atas hadis yang memiliki *туруq (sanad)* yang lebih sedikit.
- d. Mendahulukan hadis yang bersifat ketetapan ke atas hadis yang meniadakan atau menafikan.

## PENGABUNGAN METOD *TAKHRIJ* DAN *MUKHTALIF* HADIS DALAM MEMAHAMI HADIS

Bagi memberikan pemahaman bahawa metode *takhrij* dan pemahaman *mukhtalif* hadis sentiasa diguna pakai dalam menyingkap hadis-hadis Rasulullah s.a.w.. berikut ini beberapa hadis yang dipilih penulis untuk merungkaikan manfaat kedua-dua metode berkenaan. Hubungan ini akan lebih nampak apabila metode *takhrij* yang bersifat am dapat disempurnakan dengan metode pemahaman *mukhtalif* hadis yang bersifat khas. Namun sesiapa sahaja yang hendak menggunakan kedua-dua metode tersebut, proses awal adalah mengenal pasti kewujudan hadis tersebut dalam mana-mana kitab hadis. Selepas itu barulah dapat memulai kerja memahami hadis yang bercanggah melalui kaedah yang telah diuraikan di atas.

Contoh 1 : Hadis berpuasa di bulan Syaaban yang mengiringi bulan Ramadhan

Hadis A:

Berkata A<sup>aisyah</sup> r.a.h.: **“Dan tiadalah aku melihat Rasulullah s.a.w. berpuasa tepat sebulan penuh kecuali Ramadhan. Dan tiadalah aku lihat dia dalam satu bulan banyak berpuasa (kecuali dalam bulan) Sya<sup>aban</sup>.”**

Hadis B:

Sabda Rasulullah s.a.w.: **“Apabila tiba pertengahan Syaaban, maka janganlah kalian berpuasa.”**

Takhrij hadis:

*Takhrij* hadis A di atas ialah bahawa Sebahagian hadis daripada <sup>o</sup>Aisyah r.a.h. dikeluarkan oleh Ahmad, Muslim dan al-Firyabi (*al-Siyam*), juga al-Nasa’i (*al-Sunan al-Kubra*) dengan lafaz yang sedikit berbeza, lihat Sahih Muslim – no: 1156-4 (Kitab Puasa, Bab Puasa Nabi s.a.w. selain Ramadhan) Status hadis ini adalah sahih. Sedangkan *takhrij* hadis bagi hadis B pula ialah Do<sup>o</sup>if : Hadis daripada Abu Hurairah r.a. dikeluarkan oleh <sup>o</sup>Abd al-Razzaq (7325), Ibn Abi Syaibah (9026), Ahmad (9668), al-Darimi (1781), Abu Daud (2237), al-Tirmidhi (735), Ibn Majah (1651), al-Nasa’i (*al-Sunan al-Kubra* – no: 2911), al-Tahawi

(*Syarh Ma'ani al-Athar* – no: 3243), Ibn Hibban (3589), al-Bayhaqi (7961) dan al-Khatib al-Baghdadi (*Tarikh al-Baghdad*, jld 8, ms 47), hadis ini adalah dengan lafaz Abu Daud, semuanya melalui jalan al-<sup>o</sup>Alaa', daripada ayahnya, daripada Abu Hurairah.

Status hadis ini diperselisihkan, dengan sebahagian menguatkannya manakala sebahagian lain melemahkannya. Penulis cenderung kepada penilaian kedua kerana sebab-sebab berikut:

- 1) Al-<sup>o</sup>Ala', nama penuhnya ialah al-<sup>o</sup>Ala' bin <sup>o</sup>Abd al-Rahman bin Ya<sup>o</sup>kub al-Madani, seorang yang diterima di sisi kebanyakan ahli hadis, malah merupakan salah seorang perawi Sahih Muslim. Kecuali di sisi Yahya bin Ma'in, di mana beliau berkata: Hadisnya tidak dapat dijadikan hujjah. (al-Mizzi – *Tahzib al-Kamal* – perawi no: 4577) manakala dalam satu riwayat lain beliau berkata: Hadisnya bercampur aduk (al-<sup>o</sup>Uqayli – *al-Dhu'afa' al-Kabir* – perawi no: 1369).
- 2) Maksud hadis berkenaan tidak selari dengan lain-lain hadis yang sahih dalam bab ini, yang menerangkan bahawa Rasulullah s.a.w. berpuasa secara berterusan sehingga ke bulan Ramadhan. Justeru berkata Ahmad bin Hanbal sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Daud: Hadis ini *mungkar* (al-Bayhaqi – *al-Sunan al-Kubra*, jld 4, ms 353). Beliau juga berkata sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Nasai: al-<sup>o</sup>Ala' bin <sup>o</sup>Abd al-Rahman *thiqah*, tidak diingkari hadis-hadisnya kecuali yang ini. (dinukil oleh al-Nawawi dalam *Majmu' Sharh al-Muhazzab*, jld 6, ms 292). Berkata al-Dzahabi: Tidaklah turun hadis (yang diriwayatkannya) daripada darjat hasan, akan tetapi disisihkan apa yang bertentangan darinya (*Siyar A'lam al-Nubala'*, jld 6, ms 187).

Penulis berkata, sifat *thiqah* al-<sup>o</sup>Ala' bin <sup>o</sup>Abd al-Rahman hanya dapat digunakan apabila beliau meriwayatkan sebuah hadis yang selari dengan hadis-hadis lain yang sahih. Dalam Hadis B di atas, ia nampaknya berasingan (*tafarrud*) dari pelbagai hadis-hadis lain yang sahih. Hal ini sepertimana yang dimaksudkan oleh Ahmad apabila beliau berkata: Hadis ini *mungkar*, di mana definisi *mungkar* yang dimaksudkan beliau ialah hadis yang berasingan dari lain-lain hadis yang sahih. Kedudukan al-<sup>o</sup>Ala' sebagai salah seorang perawi Sahih Muslim tidaklah secara automatik menjadikan semua hadis-hadis yang diriwayatkan olehnya menjadi sahih. Perlu dibezakan antara perawi Sahih Muslim dan hadis Sahih Muslim di mana yang pertama hanya merujuk kepada kedudukan beliau sebagai seorang perawi manakala yang kedua merujuk kepada hadis-hadis yang dibawahnya. Kerana itu kita dapati imam Muslim tidak menyenaraikan hadis ini di dalam kitab Sahihnya. Berkata al-Suyuti (2005): Hadis ini ditinggalkan oleh Muslim kerana bersendiriannya (*tafarrud*) al-<sup>o</sup>Ala' padanya, dan ia seolah-olah membatalkan banyak hadis-hadis yang lain. Oleh



itu hadis ini adalah *da'if*, atau yang tepat ia adalah Hadis *syadz*, iaitu suatu hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi yang dipercayai (*thiqah*) tetapi matan atau sanadnya menyalahi riwayat daripada perawi lain yang lebih kuat daripadanya.

Proses memahami Mukhtalif Hadis selepas dilakukan proses Takhrij:

Hadis A dan B jelas bercanggah, di mana dalam Hadis A diterangkan bahawa Rasulullah s.a.w. banyak berpuasa dalam bulan Syaaban manakala dalam Hadis B, Rasulullah s.a.w. melarang seseorang dari berpuasa setelah melepasi pertengahan bulan Syaaban.

Walaubagaimanapun Hadis A bertaraf sahih manakala Hadis B bertaraf *da'if* berdasarkan hasil kerja *takhrij* yang telah dilakukan. Maka diambil Hadis A dan diketepikan Hadis B. Terdapat banyak lagi hadis-hadis yang menerangkan bahawa Rasulullah s.a.w. berpuasa di bulan Syaaban, malah beliau menyambung terus puasanya sehingga ke bulan Ramadhan. Maka sangat dianjurkan juga bagi kita untuk mengikuti sunnah yang mulia ini. Hadis B di atas tidaklah melarang seseorang itu untuk berpuasa penuh di bulan Syaaban. Berkata al-Syaukan (2003) : Berkata jumhur ulama', dibolehkan berpuasa sunnah selepas *Nisfu* (pertengahan) Syaaban kerana hadis yang melarang dari berbuat sedemikian adalah *da'if*.

Contoh 2 : Hadis tentang niat berpuasa sebelum waktu fajar

Hadis A:

Berkata Hafshah r.a.h.: **“Sesiapa yang tidak niat untuk berpuasa sebelum fajar maka tidak ada puasa baginya.”**

Hadis B:

Berkata A'isyah r.a.h.: **“Pada satu hari Nabi s.aw. masuk (ke rumah) menemui aku dan bertanya: “Adakah kita mempunyai apa-apa untuk dimakan ?” Aku menjawab: “Tiada.” Maka berkata baginda: “Maka kerana itu sesungguhnya aku berpuasa”.**

Takhrij hadis:

*Takhrij* hadis daripada Hafshah r.a. ianya dikeluarkan oleh Ahmad, al-Tohawi, al-Darimi, al-Daruqutni, Abu Daud, Ibn Majah dan lain-lain, dan hadis di atas adalah lafaz Abu Daud, dinukil oleh al-Baghawi dalam *Sharh al-Sunnah* – no:

1744 dan sanadnya dinilai sahih oleh Syu'aib al-Arna'uth. Tentang sanadnya, lihat keterangan al-Daruquthni – *Sunan al-Daruqutni*, jld 2, ms 152, al-Zayla'i – *Nasab ar-Rayah*, jld 2, ms 525-527 dan Husain Salam Asad – *Sunan al-Darimi*, jld 2, ms 1058-1060. Status hadis ini adalah sahih. Manakala hadis B dikeluarkan oleh Ahmad, Muslim, Abu Daud, al-Tirmidhi dan lain-lain dengan lafaz yang sedikit berbeza-beza, lihat *Sahih Muslim* – no: 1154-B (Kitab Puasa, Bab Dibolehkan berpuasa sunat dengan niat). Status hadis ini adalah sahih.

### Proses memahami Mukhtalif Hadis selepas dilakukan proses Takhrij:

Berdasarkan hasil *takhrij* yang telah lalu didapati bahawa hadis A di atas menerangkan bahawa seseorang itu wajib berniat sebelum terbit fajar jika dia hendak puasa pada keesokan harinya manakala Hadis B pula menerangkan bahawa Baginda s.a.w. tidak berniat untuk berpuasa sebelum terbitnya fajar hari itu kecuali pada siang hari selepas diketahuinya bahawa tiada makanan di rumah. Jelas nampaknya wujud percanggahan antara Hadis A dan B.

Percanggahan ini dapat diatasi dengan fahaman bahawa Hadis A ditujukan kepada puasa wajib pada bulan Ramadhan kerana sememangnya seseorang itu perlu mengetahui secara pasti sebelum terbitnya fajar bahawa dia akan berpuasa pada esok harinya. Manakala apa yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dalam Hadis B adalah bagi puasa sunat hari-hari biasa. Ini adalah kerana jika dikaji benar-benar Hadis B, akan didapati bahawa tujuan Rasulullah s.a.w. mula berpuasa pada siang hari adalah kerana Baginda s.a.w. tidak mendapati sebarang makanan di rumahnya. Padahal jika Hadis B berlaku di bulan Ramadhan, pasti Rasulullah s.a.w. akan berpuasa pada hari itu sejak terbit fajar tanpa bertanya tentang 'makanan' di rumahnya pada siang hari.

Hadis B memiliki petunjuk hukum yang tersendiri, iaitu bagi puasa-puasa sunnah hari biasa (puasa *nawafil*), seseorang itu boleh memulakan puasanya pada bila-bila masa tanpa perlu berniat sebelum fajar. Dan pasti sahaja dengan syarat sejak terbitnya fajar sehingga ke saat dia membuat keputusan untuk berpuasa, dia tidak makan dan minum.

## KESIMPULAN

Hubung kait antara metode *takhrij* hadis dan pemahaman terhadap *mukhtalif* hadis sememangnya berbeza daripada aspek perlaksanaan. Namun kedua-duanya sangat relevan untuk diguna pakai ketika seseorang hendak memastikan keaslian sunnah yang bersumber daripada Baginda s.a.w. Justeru, bagi sesiapa yang memiliki kepedulian terhadap sunnah-sunnahnya, maka bekal utamanya adalah memiliki ilmu pengetahuan yang luas mengenainya, sama ada secara

teori (*nazari*) atau praktis langsung (*amali*) dan tanpa berputus asa di dalam menjalankan tugas suci ini. Dua metode di atas dapat memberikan manfaat bagi menyingkap khazanah sabda-sabda Baginda Rasulullah s.a.w. Antara manfaat mempelajari Ilmu *Takhrij* Hadis ialah mengenal rujukan dan sumber-sumber kitab hadis, mengumpul sebanyak mungkin sanad-sanad hadis, mengenal status sanad dengan cara meneliti *turuq*/sanad hadis yang dijumpai, memperkukuh kedudukan hadis, mengetahui satu atau lebih kedudukan hadis yang dikemukakan oleh para ulama, membezakan perawi yang masih *muhmal* yang terdapat dalam sanad, mendedahkan perihal *mubham* sama ada yang terdapat dalam sanad atau matan, menghilangkan keraguan terhadap hadis *mu'an* yang diriwayatkan oleh seorang perawi *mudallis*, menghilangkan keraguan terhadap suatu riwayat yang bersumber daripada perawi yang belum jelas. (*al-rawi al-mukhtalif*), menjumpai penjelasan bagi lafaz-lafaz gharib yang terdapat dalam matan hadis, menolak dakyah sebuah hadis yang disebut sebagai hadis *syad*, menjelaskan hadis *mudraj* yang terdapat dalam matan hadis, melengkap kekurangan yang terdapat dalam sanad dan matan hadis, mengenal pasti penambahan yang terdapat dalam sanad dan matan hadis, membetulkan kesilapan dan kesalahan para perawi mengenai riwayat suatu hadis, mengenal pasti riwayat hadis yang diriwayatkan secara *lafzi* atau *ma'nawi* sahaja, mengenal pasti hubungan antara waktu dan tempat berlakunya suatu peristiwa yang dihuraikan dalam hadis, mengenal pasti kesalahan cetak atau terbitan kitab-kitab hadis.

## RUJUKAN

- Ahmad bin Muhammad bin Hanbal. 1988. *Musnad Ahmad bin Hanbal*, Kaerah: Dar al-Hadis.
- al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. 1987. *Sahih al-Bukhari*, Beirut: Dar Ibnu Kathir Al-Yamamah.
- al-Baghdadi, Abu Bakar Ahmad bin °Ali al-Khatib. 1997. *Tarikh Baghdad*, Beirut: Dar al-Kutub al-°Ilmiyah
- al-Bayhaqi, Ahmad bin al-Husain bin °Ali. 1994. *al-Sunan al-Kubra*. Makkah al-Mukarramah. Maktabat Dar al-Baz.
- Brown, Daniel W. t.t.h. *Menyoal Relevansi Sunnah dalam Islam Moden*, Jakarta: Gemma Insani Prees.
- al-Dhahabi, Shamsuddin Muhammad bin Ahmad. 1998. *Siyar A°lam al-Nubala'*, Beirut: Muassasah al-Risalah.

- Hafiz Firdaus Abdullah. 2007. *Kaedah Memahami Hadis-hadis yang Bercanggah*, Johor: Jahabersa.
- Ibnu Hajar al-<sup>o</sup>Asqalani, Ahmad bin <sup>o</sup>Ali. 1379 H. *Fath Al-Bari Bi Sharah Sahih Al-Bukhari*. Beirut: Dar Al-Ma<sup>o</sup>rifah.
- al-Kailani, Dr. Abd al-Razzaq. 1996. *al-Haqaiq al-Tibbiyyah fi al-Islam*. Damsyik: Dar Al-Qalam.
- Muslim Ibn Hajjaj. *Sahih Muslim*. 1991. Beirut: Dar Ihya' At-Turath Al-<sup>o</sup>Arabi.
- Muhammad bin Yazid bin Majah. 1998. *Sunan Ibni Majah*, Beirut: Dar al-Kutub al-<sup>o</sup>Ilmiyah
- al-Nawawi, Yahya Ibn Sharaf. 1392 H. *Sharah al-Nawawi <sup>o</sup>Ala Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' At-Turath Al-<sup>o</sup>Arabi.
- al-<sup>o</sup>Uqaili, Abu Ja<sup>o</sup>far Muhammad bin <sup>o</sup>Umar. 1998. *al-Dhu<sup>o</sup>afa' al-Kabir*, Beirut: Dar al-Kutub al-<sup>o</sup>Ilmiyah.